

Najib mahu peranan wanita diperkasa untuk majukan negara mulai tahun ini

# Perdana Menteri lancar TMW18

Oleh JUNHAIRI ALYASA

**P**UTRAJAYA – Datuk Seri Najib Tun Razak menerangkan peranan golongan wanita amat penting untuk membuatkan sebuah negara itu maju dan berjaya namun sebaliknya akan berlaku jika penglibatan mereka dikesampingkan.

Sehubungan itu menurut Perdana Menteri, kerajaan berlititzam menjadikan tahun ini sebagai tahun untuk meningkatkan peranan dan martabat mereka sempena Tahun Memperkasa Wanita 2018 (TMW18).

Katanya, pengumuman TMW18 dibuat ketika pembentangan Bajet 2018 yang merangkumi empat program iaitu literasi pelaburan, *Malaysia Women Made, Impact 4 Humanity* dan Revolusi Industri 4.0.

"Kita mempunyai rekod yang

cererlang berhubung peranan wanita namun masih tidak berpuas hati tentang penglibatan mereka dalam era Revolusi Industri 4.0. Kini, banyak negara sudah sedar kauif wanita dikesampingkan mereka tidak mungkin berjaya.

"Oleh sebab itu kerajaan komited memperkasakan wanita agar mereka mendapat lebih peluang ilmu semakin luas dan dilibatkan secara lebih menyeluruh dalam proses membuat keputusan sama ada sektor awam atau swasta," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Logo dan Jenama TMW18 di Bangunan Perdana Putra di sini semalam.

Pada majlis itu, Najib turut menyampaikan sijil kepada dua ikon TMW18 iaitu Puteri Diraja Selangor, Datin Paduka Setia Tengku Zatashah Sultan Sharafuddin Idris Shah dan pe-



NAJIB (tengah), Ahmad Zahid (dua dari kiri) dan Rohani (dua dari kanan) bergambar bersama Vivy (kiri) serta Zatashah (kanan) pada Majlis Pelancaran Logo dan Jenama TMW18 di Putrajaya semalam.

milik Fashion Valet, Datin Vivy Yusof sebagai penggerak dan pemacu di atas pencapaian ce-

merlang dalam bidang kesukarelawan dan keusahawanan.

Ahli perniagaan dan selebriti

Neelofa Mohd. Nor turut dilantik sebagai ikon TMW2018 namun tidak hadir.

Hadir samb Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, menteri-menteri Kabinet dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa.

Najib turut berharap program yang dirancang bagi memperkasa wanita dapat dilaksanakan dengan jayanya.

"Saya yakin dan percaya kita akan dapat menyaksikan peningkatan wanita dalam konteks arus pembangunan negara jika mendapat sokongan semua pihak," katanya.

Ujar Najib, kerajaan juga tidak lupa untuk memberi tumpuan kepada kumpulan B40 bagi melonjakkan pendapatan mereka dalam masa yang singkat.